



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

Isnin, Julai 25, 2016

[MENGENAI KAMI](#)[PENYELIDIKAN](#)[AKADEMIK](#)[JARINGAN](#)[ANTARABANGSA](#)[KEHIDUPAN KAMPUS](#)[PERKHIDMATAN](#)[A-](#) | [A](#) | [A+](#) | [EN](#) | [RU](#) | [AR](#)

BERITA »

Dr. Noor Ain terima IEEE WIE-ILC Award

Oleh Azman Zakaria



SERDANG, 7 Jun - Pensyarah kanan Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Noor Ain Kamsani terpilih untuk menghadiri Persidangan Kepemimpinan Antarabangsa Wanita Dalam Bidang Kejuruteraan (WIE-ILC), IEEE ke-3, di San Jose, California, Amerika Syarikat baru-baru ini.

Beliau diberi anugerah yang merupakan 'conference travel award' oleh IEEE Council on Electronic Design Automation (CEDA) untuk menghadiri persidangan itu yang berlangsung pada 23 dan 24 Mei lalu.

CEDA menawarkan anugerah tersebut kepada tiga orang untuk menghadiri persidangan itu. Dua yang lain ialah Prof. Dr. Ramalatha Marimuthu dari Kumaraguru College of Technology, India, dan Prof. Madya Dr. Eli Bozorgzadeh dari University of California, Amerika Syarikat.

Pemberian anugerah itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan kepelbagaian rekabentuk automasi elektronik (EDA) dan membantu menambah bilangan wanita memegang jawatan kepimpinan dalam akademik dan industri dalam bidang EDA.

Lebih 1,200 anggota delegasi menghadiri persidangan itu yang memberi peluang untuk mereka bertemu dan berbincang dengan ketua pegawai eksekutif (CEO) wanita dari Lembah Silikon yang sudah berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Dr. Noor Ain berkata persidangan memberi penumpuan kepada kepimpinan wanita dalam bidang kejuruteraan, dengan penceramah serta pembentang kertas kerja sesi plenary utama adalah ketua-ketua pegawai eksekutif di Lembah Silikon.

"la amat baik, saya dapat bertemu dengan mereka yang berada dalam bidang sama, yang sudah berjaya dan juga yang baharu memulakan karier.

"Saya juga berpeluang melihat teknologi terkini di mana mereka turut berkongsi pengalaman syarikat masing-masing dalam kaedah mempromosikan inovasi," katanya. – UPM

